

Penyertaan bukan bumiputera dalam Kor Sispa rendah

KUANTAN - Penyertaan kaum bukan bumiputera dalam Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (Kor Sispa) masih rendah iaitu di bawah 5 peratus daripada 6,090 penuntut yang ditauliahkan.

Ketua Pesuruhjaya Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Datuk Roslan Wahab berkata, faktor utama golongan itu kurang berminat menyertainya adalah disebabkan kurang pendedahan mengenai APM.

Menurutnya, setakat ini, sebanyak 96 hingga 97 peratus penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara yang menyertai Kor Sispa terdiri daripada penuntut Melayu dan bumiputera.

“Kita akui bilangan kaum bukan bumiputera terlibat dengan APM masih rendah. Namun sebagai langkah menangannya, kita telah melantik 30 ke 40 peratus pegawai bersekutu dalam kalangan bukan bumiputera.

“Jadi, kita berharap, pegawai bersekutu yang dilantik dapat menarik mahasiswa dan mahasiswi bukan bumiputera menyertai APM. Ini kerana kita memerlukan juga mereka (kaum bukan bumi-



Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas), Datuk Mastura Mohd Yazid (tengah) menyampaikan anugerah kepada pelatih terbaik pada Majlis Pentauliahian dan Perhimpunan Kebangsaan Kor Sispa Peringkat Kebangsaan Kali ke-12 di UMP Kampung Gambang pada Isnin.

putera) untuk membantu khususnya ketika menghadapi bencana,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Pentauliahian dan Perhimpunan Kebangsaan Kor Sispa Peringkat Kebangsaan Kali ke-12 di **Universiti Malaysia Pahang (UMP), Kampung Gambang** pada Ahad.

Seramai 870 pegawai kadet Kor Sispa dari 24 IPT dan satu Institusi Pendidikan Guru menerima pentauliahian sebagai Leftenan Muda.

Roslan berkata, majlis pentauliahian Kor Sispa ini mampu memberikan satu pengiktirafan kepada usaha penuntut yang bertungkus lumus menyertai pasukan beruniform.